



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Tatacara Pengurusan  
Aset Hidup Haiwan (TPH) :  
Penggunaan dan Penjagaan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>TATACARA PENGURUSAN ASET HIDUP HAIWAN (TPH) .....</b>	<b>2</b>
<b>AM 4.4 Penggunaan Dan Penjagaan .....</b>	<b>2</b>
1. <b>Objektif .....</b>	<b>2</b>
2. <b>Penggunaan .....</b>	<b>2</b>
3. <b>Penjagaan.....</b>	<b>3</b>
4. <b>Rekod Penjagaan Dan Rawatan.....</b>	<b>3</b>
5. <b>Penjagaan Dan Rawatan Haiwan Oleh Pihak Swasta .....</b>	<b>3</b>
6. <b>Rekod Pinjaman Dan Pergerakan Haiwan .....</b>	<b>4</b>
7. <b>Pengurusan Haiwan Kategori B.....</b>	<b>4</b>
8. <b>Haiwan Berpenyakit/ Cedera/ Mati.....</b>	<b>4</b>
9. <b>Kawalan Dan Keselamatan .....</b>	<b>5</b>
10. <b>Laporan Tahunan Penjagaan Dan Hasil Jualan Haiwan .....</b>	<b>5</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>6</b>

**TATACARA PENGURUSAN ASET HIDUP HAIWAN (TPH)****AM 4.4 Penggunaan Dan Penjagaan****1. Objektif**

Penggunaan dan penjagaan Haiwan hendaklah dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur supaya :-

- 1.1 Memelihara dan memanjangkan jangka hayat produktif;
- 1.2 Mengurangkan singkiran, kematian dan kehilangan;
- 1.3 Mengekalkan kecergasan;
- 1.4 Mencegah penyalahgunaan;
- 1.5 Mengelakkan kematian dan kehilangan; dan
- 1.6 Menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

**2. Penggunaan**

Penggunaan Haiwan hendaklah mematuhi peraturan berikut:-

- 2.1 Digunakan hanya bagi tujuan berikut:-
  - 2.1.1 Pembangunan induk dan pejantan, pengeluaran benih, ternakan dan penyelidikan;
  - 2.1.2 Menghasilkan baka Haiwan berkualiti dan membangunkan teknologi pembiakan berdaya saing;
  - 2.1.3 Program Konservasi;
  - 2.1.4 Aktiviti penguatkuasaan, latihan, pertunjukan dan pameran, eko pelancongan; dan
  - 2.1.5 Kerjasama teknikal dan pertukaran maklumat.
- 2.2 Dikendalikan oleh pegawai yang berkelayakan, mahir dan terlatih dengan berpandukan manual kerja.

### 3. Penjagaan

Penjagaan Haiwan adalah seperti berikut:-

- 3.1 Menyediakan tempat pemeliharaan yang sesuai dan selamat;
- 3.2 Mengamalkan biosekuriti (*foot bath, tyre bath*) yang komprehensif;
- 3.3 Mengadakan program pencegahan penyakit (vaksinasi, nyahcacing, *coccidiostats*) untuk mencegah daripada mendapat jangkitan penyakit;
- 3.4 Melakukan rawatan/ pemulihan kepada haiwan yang sakit; dan
- 3.5 Menggunakan panduan pemeliharaan/ manual penjagaan yang standard dengan prosedur pengurusan Haiwan.

### 4. Rekod Penjagaan Dan Rawatan

Maklumat mengenai penjagaan Haiwan hendaklah direkodkan di Rekod Penjagaan Dan Rawatan Haiwan KEW.AH-7 ([Lampiran A](#)). Antara maklumat yang perlu direkodkan adalah seperti berikut:-

- 4.1 Tarikh Penjagaan/Rawatan;
- 4.2 Butir-Butir Penjagaan/Rawatan;
- 4.3 No.Kontrak/Pesanan Rasmi Kerajaan;
- 4.4 Nama Syarikat/Nama Jabatan; dan
- 4.5 Kos Penjagaan/Rawatan

### 5. Penjagaan Dan Rawatan Haiwan Oleh Pihak Swasta

- 5.1 Penjagaan dan rawatan Haiwan oleh pihak swasta yang diiktiraf oleh Kerajaan hanya boleh dilakukan sekiranya tiada kemudahan disediakan oleh pihak Kerajaan atau dalam keadaan kecemasan.
- 5.2 Penjagaan dan rawatan Haiwan hendaklah dilaksanakan berdasarkan piawaian manual penjagaan dan rawatan Haiwan yang ditetapkan oleh Jabatan.

## 6. Rekod Pinjaman Dan Pergerakan Haiwan

- 6.1 Pergerakan Haiwan Kategori A bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara hendaklah direkod pada Rekod Pinjaman Dan Pergerakan Haiwan KEW.AH-8 seperti di [Lampiran B](#).
- 6.2 Haiwan Kategori A yang dibawa keluar dari pejabat hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan/ Pegawai Aset/ Pegawai-Pegawai Lain yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan. Haiwan Kategori A berkenaan hendaklah dipulangkan semula sebaik selesai penggunaannya atau mengikut tempoh kelulusan mana yang lebih awal.
- 6.3 Pinjaman Haiwan Kategori A kepada orang awam/ golongan sasar hendaklah menggunakan KEW.AH-8 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian/ Jabatan.

## 7. Pengurusan Haiwan Kategori B

Haiwan Kategori B hendaklah diuruskan seperti berikut:-

- 7.1 Pengeluaran Haiwan Kategori B untuk tujuan program pengembangan, latihan, penyelidikan, pemuliharaan, pindahan, hadiah dan jualan hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- 7.2 Harga jualan hendaklah ditetapkan oleh Jabatan.
- 7.3 Hasil jualan hendaklah dimasukkan ke Akaun Hasil Kerajaan dan direkodkan di dalam KEW.AH-10.
- 7.4 KEW.AH-4 hendaklah dikemaskini.

## 8. Haiwan Berpenyakit/ Cedera/ Mati

- 8.1 Haiwan yang berpenyakit atau mengalami kecederaan atau mati hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan dengan menggunakan Laporan Kekurangan/Sakit/ Cedera/ Mati KEW.AH-9 ([Lampiran C](#)).
- 8.2 Tindakan yang bersesuaian seperti ditanam, dibuang atau sebagainya boleh dilaksanakan terus setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan.

- 8.3 Tindakan yang diambil hendaklah mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan atau Pihak Berkuasa yang berkenaan; dan
- 8.4 Kad Daftar Haiwan KEW.AH-3 atau KEW.AH-4 hendaklah dikemaskini.

## **9. Kekurangan Haiwan**

Kekurangan Haiwan disebabkan oleh pemangsaan, bencana alam dan seumpamanya hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan dengan menggunakan borang KEW.AH-9. Kad Daftar Haiwan KEW.AH-3 hendaklah dikemaskini.

## **10. Kawalan Dan Keselamatan**

Haiwan hendaklah dipelihara di tempat yang sesuai dan selamat. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan langkah kawalan keselamatan yang sesuai disediakan.

## **11. Laporan Penjagaan Dan Hasil Jualan Haiwan**

Laporan Penjagaan Dan Hasil Jualan Haiwan KEW.AH-10 ([Lampiran D](#)) hendaklah disediakan dan dikemukakan seperti berikut:-

- 11.1 PTJ/ Pusat/ Stesen mengemukakan kepada UPA Jabatan/ Ibu Pejabat;
- 11.2 UPA Jabatan/ Ibu Pejabat hendaklah menyenaraikan semua PTJ/ Pusat/ Stesen di bawahnya dan mengemukakannya kepada UPA Kementerian sebelum 15 Februari tahun berikutnya; dan
- 11.3 UPA Kementerian hendaklah menyediakan Ringkasan Laporan Tahunan Penjagaan Dan Hasil Jualan Haiwan Kerajaan dan mengemukakan ke Perbendaharaan Malaysia sebelum 15 Mac tahun berikutnya.

# **LAMPIRAN**

**REKOD PENJAGAAN DAN RAWATAN HAIWAN****Kumpulan/Kelas:****\*No. Siri Pendaftaran :****Famili/Baka/Penjenisan :****Lokasi :**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir-Butir Penjagaan/ Rawatan</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>No. Kontrak/ Pesanan Kerajaan dan Tarikh</b>	<b>Nama Syarikat/ Jabatan</b>	<b>Kos (RM)</b>	<b>Nama dan Tandatangan**</b>

\* Hanya Haiwan Kategori A perlu diisi nombor siri pendaftaran.

\*\* Ruangan tandatangan boleh ditandatangani oleh Pegawai Aset / Pegawai Penjaga Haiwan

**KEW.AH-8**

No. Permohonan : .....

**BORANG PERGERAKAN/ PINJAMAN HAIWAN  
(KATEGORI A)**

<b>Nama Pemohon :</b>		<b>Tujuan :</b>	
<b>Jawatan :</b>		<b>Tempat Digunakan:</b>	
<b>Bahagian :</b>		<b>Nama Pengeluar:</b>	

<b>Bil.</b>	<b>No. Siri Pendaftaran</b>	<b>Baka/Penjenisan</b>	<b>Tarikh</b>		<b>(Lulus/ Tidak Lulus)</b>	<b>Tarikh</b>		<b>Catatan</b>
			<b>Dipinjam</b>	<b>Dijangka Pulang</b>		<b>Dipulangkan</b>	<b>Diterima</b>	
.....	.....	.....	.....	.....	.....	.....	.....	.....
(Tandatangan Peminjam)			(Tandatangan Pelulus)					
<b>Nama :</b>			<b>Nama :</b>					
<b>Jawatan :</b>			<b>Jawatan :</b>					
<b>Tarikh :</b>			<b>Tarikh :</b>					
.....	.....	.....	.....	.....	.....	.....	.....	.....
(Tandatangan Pemulangan)			(Tandatangan Penerima)					
<b>Nama :</b>			<b>Nama :</b>					
<b>Jawatan :</b>			<b>Jawatan :</b>					
<b>Tarikh :</b>			<b>Tarikh :</b>					

**KEW.AH-9**

**LAPORAN KEKURANGAN/ SAKIT/ CEDERA/ MATI HAIWAN**

**Bahagian 1 (Untuk diisi oleh Pegawai Pelapor/ Pegawai Aset)**

1. Kumpulan/ Kelas : .....
2. Famili/ Baka/ Penjenisan : .....
3. Lokasi : .....
4. No. Siri Pendaftaran\* : .....
5. Kuantiti : .....
6. Tarikh Diketahui : .....
7. Perihal Kekurangan/Sakit/ Cedera/ Mati : .....
8. Anggaran Kos Rawatan : .....
9. Syor:

Tandatangan Pegawai Pelapor/  
Pegawai Aset

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**Bahagian II (Kelulusan Ketua Jabatan\*\*)**

Keputusan: LULUS/ TIDAK LULUS

Ulasan:

(Tandatangan Ketua Jabatan\*)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Nota: \* Hanya Haiwan Kategori A perlu diisi nombor siri pendaftaran.

\*\*Ketua Jabatan adalah termasuk Ketua Jabatan/ Pusat/ Stesen.

**KEW.AH-10**

**LAPORAN PENJAGAAN DAN HASIL JUALAN HAIWAN  
BAGI TAHUN .....**

Bil.	Kementerian/ Jabatan/ PTJ/ Pusat/ Stesen	Penjagaan Dan Rawatan Haiwan		*Jualan	
		Kuantiti	Jumlah Kos (RM)	Kuantiti	Jumlah Hasil (RM)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					

Nota: \*Jualan ini adalah merujuk kepada Haiwan Kategori B sahaja.